

20/01/1999

Rakyat buktikan sokongan kepada PM (HL)

Noordin Zakaria; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap kunjungan rakyat yang begitu ramai ke rumah terbuka Aidilfitri di Sri Perdana tahun ini berbanding tahun-tahun sebelumnya adalah tanda sokongan kepada beliau dan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata kehadiran rakyat tahun ini sesuatu yang luar biasa. Mereka bukan saja datang untuk bersalaman dan berhari raya, malah melahirkan sokongan secara peribadi kepada beliau dan perasaan senang hati dengan prestasi kerajaan.

"Kalau tidak, masa saya balik dari masjid...tak ada orang lagi (tahun-tahun sebelum ini). Tetapi pagi ini dah penuh dengan orang (di luar perkarangan rumah).

"Mereka bukan setakat bersalam, malah menyatakan sentimen mereka. Ketika bersalam, mereka menyatakan sokongan.

"Nampaknya mereka senang hati dengan tindakan kerajaan. Ada juga yang menyatakan terima kasih kerana menyelamatkan ekonomi negara. Ada juga yang menyatakan terima kasih kerana menyelamatkan negara daripada hantu (devil). Saya tidak tahu siapa hantu, tapi itu yang dia kata.

"Saya fikir ia kurang (tidak ramai orang akan datang) kerana mungkin ada yang beranggapan ada rusuhan, tapi nampak mereka tidak apa-apa," katanya kepada pemberita selepas menyambut kehadiran rakyat di rumahnya bagi sesi sebelah pagi.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, mula menerima kehadiran rakyat sejak jam 10 pagi.

Meskipun, sesi rumah terbuka pada sebelah pagi dijadual berakhir jam 12.30 tengah hari sebelum disambung semula pada jam 2.30 petang, kehadiran orang ramai masih tetap diterima sehingga jam 1.30 tengah hari berikutan jumlah pengunjung yang melebihi jangkauan.

Seorang pegawai bertugas menjelaskan, kebiasaannya pada sesi pagi, kira-kira 13,000 pengunjung yang boleh diterima. Bagaimanapun, kali ini, jumlah pengunjung jelas terlalu ramai. Dianggarkan lebih 30,000 datang ke Sri Perdana.

Berikutan itu, orang ramai terpaksa bersesak-sesak dan ada di antara pengunjung pengsan sehingga terpaksa dibantu sanak saudara dan petugas yang berkawal di situ.

Antara yang paling awal mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Pemimpin lain, termasuk Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Ditanya sama ada sokongan rakyat itu sebagai satu petanda baik terutama menjelang pilihan raya, Dr Mahathir berkata, ia adalah menggalakkan dan menandakan sokongan kepada kerajaan.

"Tetapi tidak bermakna kita perlu mengadakan pilihan raya tahun ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, kegawatan ekonomi yang melanda negara ini juga tidak menjejaskan sambutan Aidilfitri tahun ini.

"Kita tengok berbanding dengan negara lain, tak ada kesan. Malah bulan puasa pun apabila ada buka puasa di hotel, penuh dengan orang sampai kena tempah dua minggu awal jika mahu berbuka puasa di hotel," katanya.

Menjawab pertanyaan seorang wartawan asing mengenai harapan tahun barunya, Dr Mahathir berkata, belia berharap suasana aman di negara ini akan terus kekal sebagaimana selalunya dan ekonomi juga akan pulih.

Sementara itu Bernama melaporkan, ramai yang hadir di rumah terbuka itu berkata mereka mahu melihat Dr Mahathir secara peribadi untuk menyatakan sokongan kepadanya.

Seorang guru, Sabidah Madon, 37, yang datang bersama suami dan lima anaknya berkata beliau datang untuk menunjukkan sokongan kepada Dr Mahathir.

"Saya sangat gembira kerana mendapat peluang "bersalam" dengan Perdana Menteri. Dan ini merupakan pertemuan pertama dengan PM," kata beliau.

Sementara itu dua warga Scotland berkata, mereka melalui pengalaman yang sukar dilupakan selepas dinasihatkan seorang pemandu teksi untuk melawat rumah terbuka Perdana Menteri.

Damien Quigg, 28, yang berada di Malaysia kerana urusan perniagaan dan percutian berkata beliau bernaib baik untuk bertemu dengan Dr Mahathir.

"Saya mempunyai banyak penghormatan kepada Perdana Menteri anda," kata beliau.

Quigg berkata beliau kagum melihat begitu ramai orang daripada pelbagai kaum berbaris untuk bertemu Perdana Menteri dan di Britain tiada rumah terbuka seperti di sini.

Jim Ganley, 26, yang bercuti di Malaysia berkata beliau sudah merancang untuk melawat Dr Mahathir sebagai sebahagian daripada aturcara lawatannya di negara ini.

Suri rumah Sitadevi Ram Khaelawan berkata ini lawatan pertama beliau ke Sri Perdana dan beliau berasa bertuah untuk bertemu Perdana Menteri dan isteri.

(END)